

RHS 509 – DISERTASI

**TINJAUAN KE ATAS REKABENTUK RUMAH PANGSA DARI
ASPEK SOSIO - BUDAYA ORANG MELAYU**

Oleh:

Siti Norsazlina Bt. Haron

Diajukan Kepada :

**Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan Dan Perancangan
Universiti Sains Malaysia Untuk Memenuhi
Sebahagian Dari Syarat-Syarat Bagi Mendapatkan Gelaran
Sarjana Sains Perumahan**

Mac 2001

PERAKUAN

Disertasi ini disampaikan di dalam kajian ilmiah bagi memenuhi syarat-syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Perumahan, Universiti Sains Malaysia. Ia adalah hasil Penyelidikan saya sendiri kecuali dinyatakan.

Disertasi ini belum pernah diserahkan dan diterima sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi memenuhi sebarang ijazah dan masa ini tidak dikemukakan untuk mana-mana ijazah lain.



Siti Norsazlina Bt. Haron

Disahkan oleh:

Prof.Madya Mohamed Talhah Idrus

**Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang**

Mac 2001



PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Allah kerana dengan izin-Nya, maka kajian ini dapat dihasilkan. Walaupun ianya adalah kajian persendirian tetapi ia juga merupakan hasil kerjasama semua pihak.

Terlebih dahulu saya ucapkan setinggi penghargaan kepada pihak Universiti Sains Malaysia, ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia kajian ini iaitu Prof. Madya Mohamed Talhah Idrus yang memberi panduan dan tunjuk ajar, nasihat sepanjang pengkajian ini. Tidak lupa kepada koordinator disertasi Prof. Madya Dr. Julaihi Wahid.

Penghargaan juga diberikan kepada Jabatan Pembangunan dan Perancangan Dewan Bandaraya Ipoh, Perak yang memberi maklumat untuk kajian ini serta penduduk kawasan kajian iaitu rumah pangsa Waller Court dan rumah pangsa Jalan Pasir Putih yang memberi kerjasama ketika menjalankan kaft selidik serta pelbagai pihak yang membantu. Terima kasih dalam membantu dalam kajian ini.

Tidak lupa kepada suami saya, Zamhuri Abdul Rahim, kedua ibu bapa saya iaitu Hajjah Mek Esah binti Daud dan Haji Haron Abdul Hamid dan kakak saya Siti Norlizaiha Binti Haron seta ahli keluarga yang lain terhadap segala sokongan dan bantuan yang diberikan disepanjang tempoh pengajian saya ini.

Penghargaan ini juga kepada Jabatan Rekabentuk Dalam Universiti Teknologi Mara yang memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat sarjana.

Segala kerjasama dan sokongan tersebut akhirnya sebuah kajian bertajuk "Tinjauan ke atas Rekabentuk Rumah pangsa Dari Aspek Sosio – Budaya Orang Melayu" telah berjaya disiapkan.. Terima kasih.

ABSTRAK

Proses pembangunan perumahan pada hari ini tumbuh begitu pesat ekoran kemajuan negara dan permintaan terhadap sektor perumahan. Penyediaan perumahan selain bermatlamatkan keuntungan ia juga merupakan satu agenda sosial kerajaan. Namun begitu, isu yang berkaitan dengan penyediaan rumah pangsa banyak diperkatakan mengenai permasalahan sosio di kalangan orang Melayu kesan daripada rekabentuk dan kesesuaian mendiaminya terutama bagi golongan berpendapatan rendah. Oleh itu kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai perubahan sosio budaya orang Melayu kesan daripada mendiami rumah pangsa. Di mana perubahan ini dipengaruhi oleh rekabentuk sesebuah rumah dan perancangan rekabentuk sesebuah kawasan perumahan yang tidak berlandaskan kepada komponen atau cara hidup budaya dan tradisi orang Melayu. Perubahan ini juga diukur melalui tahap kesesuaian ruang yang dihuni, di mana ianya merupakan satu elemen yang mempengaruhi corak kehidupan harian masyarakat Melayu dalam mewujudkan satu komuniti orang Melayu yang lebih teguh dengan terpeliharanya budaya dan adat orang Melayu. Secara amnya kajian ini melibatkan pengedaran borang soalselidik dan temubual teratas untuk membentuk serai melalui pemerhatian pada kawasan kajian yang dipilih. Ia bertujuan bagi menyokong objektif kajian yang dijalankan. Bagi mengatasi masalah yang ditemui, beberapa cadangan telah diolah bagi membentuk satu rekabentuk rumah pangsa yang lebih sesuai didiami oleh orang Melayu iaitu melalui perancangan ruang yang lebih teratur dan selesa mengikut kesesuaian corak kehidupan orang Melayu serta melalui penyediaan komponen-komponen perumahan yang menyerupai komponen-komponen yang terdapat dalam perumahan Melayu tradisional agar aktiviti dan pengamalan budaya orang Melayu dapat dipelihara.



ABSTRACT

The process of housing development is growing rapidly over these past few years due to the increase of demand fast development of the country. The reason for the development of housing sector is not only to gain profit but also has become an agenda in the social – government aspect. The development of flats has however become the main issue amongst the Malay community. It is said to result in the social problems in this community as a result of the design and suitability of living for the lower income group. This study to analyze the changes of the social aspects and culture of the Malay community whose living in flats. This study involves the distribution of these survey forms to the residents and through observation done on the chosen area. The analysis is to prove the objectives of the studies. Few suggestions were carried out and done in order to design a proper and more comfortable unit of flats and housing area through the use of the components and characteristic of a traditional Malay house. The reason for search of design is to maintain the activity of the Malay community so that they can have a better and more comfortable living environment with the better design. In this way the Malay culture can also be preserve.



ISI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Senarai isi kandungan	iv
Senarai foto	ix
Senarai jadual	xi
Senarai rajah	xiii
Senarai lampiran	

BAB 1: PENGENALAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Isu dan Kepentingan	5
1.2	Skop Kajian	7
1.3	Mat lamat dan Objektif Kajian	8
	1.3.1 Matlamat kajian	8
	1.3.2 Objektif kajian	8
1.4	Metodologi kajian	9
	1.4.1 Peringkat pertama	9
	1.4.2 Peringkat kedua	10
	1.5.3 Peringkat ketiga	10
	1.5.4 Peringkat keempat	12



ISI KANDUNGAN

BAB 2: KAJIAN ILMIAH MENGENAI SENARIO PERUMAHAN & SOSIO – BUDAYA MELAYU

2.0	Pengenalan	14
2.1	Takrif Rumah dan Kediaman	15
2.2	Takrifan Sosio	19
2.3	Takrifan Kebudayaan Melayu	20
2.4	Keluarga Melayu	23
2.4.1	Bentuk keluarga Melayu	23
2.4.2	Bentuk Masyarakat Melayu	26
2.5	Bentuk Keluarga Melayu Bandar	30
2.6	Rumah Tradisional Melayu	34
2.6.1	Seni Bina Rumah Tradisional Melayu	35
2.6.2	Persekitaran Rumah Tradisional Melayu	38
2.6.3	Pembahagian Ruang dan Perhubungannya	38
2.7	Perumahan Moden	41
2.7.1	Pengenalan	41
2.7.2	Rekabentuk Rumah Pangsa	43



ISI KANDUNGAN

BAB 3 : KAJIAN KES

3.1	Pengenalan	46
3.2	Sejarah Bandaraya Ipoh	47
3.3	Latarbelakang Kawasan Kajian I	51
3.3.1	Lokasi	52
3.3.2	Rekabentuk Rumah Pangsa.	55
3.4	Latarbelakang Kawasan Kajian II	58
3.4.1	Lokasi	61
3.3.3	Rekabentuk Rumah Pangsa.	64
3.6	Rumusan.	66

BAB 4 : ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	67
4.1	Kaedah Analisis.	68
4.2	Analisis Kajian Dari Segi Pengamatan	69
4.2.1	Rekabentuk Perumahan	69
4.2.2	Kemudahan Awam yang Disediakan.	72
4.3	Soalselidik Penghuni	74



ISI KANDUNGAN

4.3.1	Bilangan ahli isi rumah penghuni	74
4.3.2	Peringkat Umur penghuni	75
4.3.3	Tempat Asal Penghuni	77
4.3.4	Pendapatan Bulanan Isi Rumah.	79
4.3.5	Pemilikan Rumah dan Tempoh Tinggal	32
4.4	Kepuasan Mendiami Rumah	33
4.4.1	Keselesaan Mendiami Rumah	83
4.5	Faktor Sosial	101
4.5.1	Hubungan Kejiranan.	101
4.5.2	Kemudahan Komuniti	102
4.5.3	Penyertaan Masyarakat	107
4.5.4	Permasalahan Sosial di Unit Perumahan	109
4.5.5	Citarasa Terhadap Pemilihan Rumah	115

BAB 5: RUMUSAN PENEMUAN ANALISIS KAJIAN

5.1	Pengenalan	120
-----	------------	-----

BAB 6: CADANGAN

6.0	Pengenalan	129
6.1	Cadangan Rekabentuk	129



ISI KANDUNGAN

6.2	Cadangan Rekabentuk Luaran	132
6.2.1	Penyediaan kemudahan	132
6.2.2	Penyediaan Kawasan lapang	134
6.2.3	Pergerakan dan Sirkulasi	135
6.2.4	Penyediaan Tanah Untuk Penghuni	136
6.2.5	Penambahan Elemen Landskap	137
6.3	Cadangan Rekabentuk Dalaman	138
6.3.1	Keperluan Ruang dan Fungsi Ruang Dalaman	138
6.4	Aspek Sosial	145
6.5	Rumusan	146

BAB 7 : PENUTUP

Penutup	148
---------	-----

RUJUKAN

LAMPIRAN



ISI KANDUNGAN

SENARAI FOTO

MUKA SURAT

Foto 3.1	: Pemandangan bandar ipoh di sekitar tahun 1960an.	47
Foto 3.2	: Rumah pangsa jalan pasir puteh, ipoh.	51
Foto 3.3	: Jalan masuk ke kawasan perumahan melalui jalan ipoh, bandar pasir puteh.	54
Foto 3.4	: Rumah pangsa waller court yang diambil sekitar 1960an.	58
Foto 3.5	: Rumah pangsa waller court yang diambil sekitar 1960an.	58
Foto 3.6	: Pemandangan hadapan rumah pangsa waller court .	59
Foto 3.7	: Pemandangan belakang rumah pangsa waller court .	60
Foto 3.8	: Pemandangan belakang rumah pangsa waller court .	60
Foto 3.9	: Pemandangan dari Jalan Raja Musa Aziz	62
Foto 3.10	: Pemandangan dari Jalan Raja Musa Aziz	62
Foto 4.1	: Susur keluar setiap 2 unit rumah ke ruang udara. terletak di antara dua buah blok.	71
Foto 4.2	: Ruang udara terletak diantara 2 blok rumah sebagai ruang jemuran atau ruang bermaian untuk kanak-kanak.	71
Foto 4.3	: Ruang tamu yang disatukan dengan ruang makan rumah Pangsa Jalan Pasir Puteh.	97
Foto 4.4	: Keadaan bilik tidur .	97
Foto 4.5	: Keadaan bilik tidur 1 dan 2.	97
Foto 4.6	: Keadaan Bilik tidur 1 dan 2.	98
Foto 4.7	: Gambaran keluasan dapur.	98
Foto 4.8	: Gambaran keluasan dapur.	98
Foto 4.9	: Bilik mandi dan tandas yang disatukan.	99
Foto 4.10	: Langkan sebagai tempat membasuh dan ruang jemuran.	99

Foto 4.11 : Kedudukan ruang tamu dan ruang makan

100

Foto 4.12 : Kedudukan bilik tidur yang bersebelahan dengan tandas	100
Foto 4.13 : Kedudukan balkoni dijadikan dapur.	101
Foto 4.14 : Tandas yang disatukan dengan bilik air dan berhampiran dengan ruang tamu	101
Foto 4.15 : Kawasan padang permainan –tanpa sebarang unsur landskap.	105
Foto 4.16 : Penyediaan gerai bagi penghuni	106
Foto 4.17 : Kedudukan padang permainan .	106
Foto 4.18 : Kedudukan padang permainan	106
Foto 4.19 : Penyediaan kedai-kedai.	107
Foto 4.20 : Kawasan lapang sebagai tempat diadakan keraian.	107



ISI KANDUNGAN

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	: Senarai fungsi ruang	41
Jadual 4.1	: Tahap kepuasan responden terhadap kemudahan yang disediakan	73
Jadual 4.2	: Jumlah penghuni yang mendiami rumah kajian pertama	75
Jadual 4.3	: Jumlah penghuni rumah kajian ke dua	75
Jadual 4.4	: Peringkat umur yang mendiami rumah kajian pertama	77
Jadual 4.5	: Peringkat umur yang mendiami rumah kajian ke dua	77
Jadual 4.6	: Sebab perpindahan dari tempat tinggal asal kajian pertama	78
Jadual 4.7	: Tempat asal responden kajian ke dua	78
Jadual 4.8	: Perkaitan pendapatan bersih sebulan dan pekerjaan suami	81
Jadual 4.9	: Perkaitan pendapatan bersih sebulan dan pekerjaan isteri	81
Jadual 4.10	: Kategori pekerjaan dan pendapatan bersih suami	81
Jadual 4.11	: kategori pekerjaan dan pendapatan bersih isteri	82
Jadual 4.12	: Keluasan ruang dalaman rumah pangsa Jalan Pasir Puteh	84
Jadual 4.13	: Keluasan ruang dalaman rumah pangsa Jalan Pasir Puteh	85
Jadual 4.14	: Tahap keselesaan mendiami rumah	91
Jadual 4.15	: Keselesaan mendiami rumah melalui ruang yang disediakan	93
Jadual 4.16	: Perhubungan di antara jumlah penghuni dan kegunaan ruang –di dalam rumah	95
Jadual 4.17	: Perhubungan di antara jumlah penghuni dan penggunaan ruang	96
Jadual 4.18	: Tahap kepuasan hubungan kejiwaan (kajian pertama)	103
Jadual 4.19	: Tahap kepuasan hubungan kejiwaan (kajian ke dua)	103
Jadual 4.20	: Perkaitan hubungan kejiwaan dan kekerapan penghuni mengadakan keraihan	109

Jadual 4.21 : Hubungan kejiranan dan jenis keraian sering diadakan (kajian pertama)	109
Jadual 4.22 : Hubungan kejiranan dan tempat sering diadakan keraian	109
Jadual 4.23 : Hubungan kejiranan dan tetamu sering dijemput	110
Jadual 4.24 : Kekkerapan penghuni mengadakan majlis	110
Jadual 4.25 : Kekkerapan penghuni mengadakan kenduri	112
Jadual 4.26 : Tempat keraian /perjumpaan yang disediakan	112
Jadual 4.27 : Sambutan terhadap keraian – jemputan.	112
Jadual 4.28 : Jenis jenayah atau masalah sosial yang sering berlaku.	114
Jadual 4.29 : Kekkerapan berlaku jenayah / sosial di kawasan perumahan	114
Jadual 4.30 : Perkaitan di antara jumlah pendapatan dan pemilihan rumah idaman	117
Jadual 4.31 : Citarasa terhadap rumah idaman	118
Jadual 4.32 : Citarasa penghuni terhadap rumah idaman mengikut jumlah ahli keluarga	118
Jadual 4.33 : Bilangan penghuni rumah dan pendapatan bersih sebulan	118
Jadual 4.34 : Citarasa penghuni terhadap rumah idaman berdasarkan pendapatan	118
Jadual 4.35 : Faktor-faktor pemilihan rumah idaman tersebut	119
Jadual 6.1 : Cadangan keluasan ruang dan fungsinya	141
Jadual 6.2 : Cadangan kedua keluasan ruang dan fungsinya	143



ISI KANDUNGAN

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	: Metodologi kajian	13
Rajah 2.1	: Fungsi dalam masyarakat.	21
Rajah 2.2	: Kitaran budaya.	22
Rajah 2.3	: Aktiviti meningkatkan semangat kejiiran.	29
Rajah 2.4	: Kerangka konseptual tentang perbandaran dan perubahan keluarga.	39
Rajah 2.5	: Rumah Tradisional Melayu	34
Rajah 2.6	: Senario pembahagian ruang dalaman Rumah Melayu Tradisional	40
Rajah 2.7	: Susunatur ruang rumah pangsa berdasarkan grid struktur segiempat.	43
Rajah 2.8	: Fungsi ruang bandingan antara rumah Melayu dan rumah moden	44
Rajah 3.1	: Pelan lokasi	53
Rajah 3.3	: Susunatur ruang dalaman rumah pangsa Jalan Pasir Puteh.	56
Rajah 3.4	: Lakaran plan lantai rumah pangsa Jalan Pasir Puteh	57
Rajah 3.5	: Pelan lokasi	63
Rajah 3.6	: Susunatur ruang dalaman rumah pangsa Waller Court	65
Rajah 4.1	: Pelan tatatur	70
Rajah 6.1	: Cadangan satu dan dua kedudukan ruang mengikut hiraki kegunaan dan perhubungan.	140
Rajah 6.2	: Lakaran cadangan rekabentuk rumah pangsa bagi mewujudkan komuniti pengekalan budaya orang Melayu	144

**"TINJAUAN KE ATAS REKABENTUK RUMAH PANGSA
DARI ASPEK
SOSIO - BUDAYA ORANG MELAYU"**

BAB I **BAB I**

Pengenalan **Pengenalan**

RHS 509 **SITI NORSAZLINA BT HAR**

1.0 Pengenalan

Dengan perkembangan ekonomi yang begitu pesat telah memberi kesan yang begitu positif kepada pembangunan negara. Kepsatan ekonomi ini secara tidak langsung mempengaruhi proses dan corak pmbandaran serta corak rekabentuk perumahan di Malaysia. Jika dilihat dari sudut bangsa pula, bangsa Melayu merupakan penghijrah-utama bagi merebut peluang meningkatkan taraf hidup yang sememangnya amat kurang di kawasan desa.

Proses pmbandaran ini telah merubah corak kehidupan masyarakat Melayu, di mana ia telah memberi kesan keatas perubahan sosio budaya orang Melayu yang berhijrah ke bandar dan dengan mendiami corak perumahan dan kehidupan yang baru yang berbeza dengan kehidupan dan budaya orang Melayu desa. Penghijrahan orang desa ke bandar yang begitu pesat ini disebabkan daripada tawaran peluang pekerjaan, perniagaan, pendidikan yang tidak terhad di bandar. Perubahan untuk meningkatkan taraf hidup, secara tidak langsung juga, memberi perubahan kepada bentuk pemikiran yang bersifat moden dan lebih terbuka, kononnya bagi menyesuaikan diri dengan cara hidup di bandar.

Perbandaran ialah, "...proses mencapai ciri hidup bandar, perpindahan ke bandar, pertukaran daripada kegiatan pertanian kepada kegiatan lain yang lazim terdapat di bandar, dan seterusnya pertukaran pola – pola perlakuan."(J.Clyde Mitchell :1966:3)

Fenomena ini dapat di lihat dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia keempat 1981 – 1985, bilangan penduduk Melayu bandar telah meningkat kepada 37.4 peratus berbanding dengan 27.4 peratus pada tahun 1970 dan seterusnya angka ini sentiasa meningkat kesan daripada kerajaan memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru yang menyaksikan satu perubahan radikal pada perancangan pembangunan Malaysia. Penghijrahan orang –orang Melayu yang semakin meningkat kesan daripada perubahan dan pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat Fenomena ini dapat di lihat dalam Statistik Pertumbuhan Populasi da bandar – bandar utama (1957 – 1980) Bandaraya Kuala Lumpur, dimana pertumbuhan populasi dari 320 000 pada 1957 kepada hampir 1 Juta pada 1980 , iaitu pertumbuhan sebanyak 310 % dalam tempoh 23 tahun. (Rancangan Malaysia ke empat 1992:30)

Pertambahan penduduk bandar yang lebih pesat ini akan memberi kesan yang begitu ketara kepada industri perumahan negara, di mana akibat pertumbuhan penduduk yang ketara di bandar menyebabkan berlakunya permintaan yang tinggi terhadap perumahan, ia dapat di lihat dalam Statitik Keperluan Masa Depan Perumahan di Semenanjung Malaysia (1981 – 2000). Di antara 1991 dan 2000 lebih 2 juta rumah baru perlu disediakan. Walaubagaimanapun, sasaran kerajaan untuk Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 – 2000) adalah 800 000 unit rumah, keperluan masih tidak mencukupi untuk tahun

2000 kerana terdapat hampir 500 000 unit rumah yang tidak dapat disiapkan dalam Rancangan Malaysia ke enam. (Ghani Saleh- Lee Lik Meng 1997:10-16)

Terdapat beberapa pendapat tentang fenomena tersebut di antaranya ialah pendapat, "*Castells berpendapat bahawa krisis perumahan bukan berpunca daripada penindasan tetapi daripada hubungan mekanikal permintaan dan penawaran*" (Castells.M 1977: 3)

Penghijrahan orang-orang Melayu ke kawasan bandar dan pertumbuhan penduduk Melayu bandar yang pesat bukan tidak menghadapi masalah sama ada kepada desa ataupun kepada masyarakat bandar sendiri. Beberapa kajian telah membuktikan munculnya masalah-masalah kemiskinan, pengangguran, perumahan dan jenayah di bandar. Walau bagaimanapun, bukanlah semua masalah tersebut disebabkan fenomena penghijrahan dan pertumbuhan penduduk bandar yang pesat. Ia juga berlaku disebabkan proses pempadatan di kalangan orang-orang Melayu begitu pesat.

Akibat proses pempadatan yang begitu cepat dan pertambahan penduduk yang begitu tinggi maka permintaan terhadap rumah meningkat akibat pembangunan yang begitu pesat maka banyak tanah atau kawasan yang diperlukan untuk mendirikan skim perumahan (landed houses). Dengan cara perumahan seperti ini kadar permintaan perumahan sukar dikurangkan, maka pihak kerajaan dan pihak pemaju akan mencari jalan untuk menyediakan perumahan yang banyak pada kawasan yang minima dalam masa yang singkat serta mendapat keuntungan yang berlipat ganda iaitu dengan cara

mendirikan rumah pangsa. Dengan cara ini selain dapat mengurangkan penggunaan tanah ia juga dapat meminimalkan ruang dan keluasan rumah itu sendiri. Dengan cara ini juga keuntungan lebih tinggi akan diperolehi.

Mendiami rumah pangsa ini secara tidak langsung memberi kesan kepada cara hidup baru kepada orang Melayu di mana dengan perubahan cara hidup ini akan berlakulah perubahan dari segi cara hidup Budaya orang Melayu. Iaitu perubahan cara hidup berbudaya Melayu tradisi kepada cara hidup Melayu bandar. Cara hidup orang Melayu ini dapat dilihat melalui cara hidup bermasyarakat, bentuk kekeluargaan, tingkah laku iaitu peribadi seseorang, serta aktiviti seharian orang Melayu. Selain daripada perubahan di atas ia juga disebabkan daripada perubahan pemikiran iaitu pemikiran moden, di mana kehidupan yang mengikut peredaran masa yang lebih mementingkan masa, peluang dan kekayaan.

Pada hakikatnya pemilihan tempat kediaman baru iaitu dengan mendiami rumah pangsa, kediaman yang jauh daripada cara kehidupan kampung asal akan membawa perubahan yang besar kepada orang Melayu. Bukan itu sahaja disertai dengan pekerjaan di sektor bandar, menyebabkan keluarga sebagai institusi masyarakat, telah mengalami perubahan. Ini semata – mata untuk menyesuaikan dengan kehendak kehidupan baru mereka, di mana perubahan corak kehidupan ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi corak kehidupan seharian orang Melayu dan ia juga akan mengubah budaya hidup orang Melayu.

Walaupun perubahan kehidupan atau peredaran zaman, namun demikian sebahagian ciri (tradisi) keluarga Melayu iaitu pemuliharaan Budaya orang Melayu haruslah dipertahankan. Memandangkan Budaya hidup orang Melayu merupakan budaya hidup berkeluarga dan hidup masyarakat yang bersifat ketimuran dan ia merupakan identiti yang kukuh bagi masyarakat Melayu.

1.1 Isu Dan Kepentingan

Proses pembandaran yang begitu pesat mengakibatkan berlakunya penghijrahan masyarakat desa ke bandar terutama orang – orang Melayu . Ini mengakibatkan berlakunya peningkatan jumlah penduduk di bandar , secara tidak langsung keadaan ini akan mempengaruhi perkembangan sektor perumahan. Akibat daripada permintaan rumah yang begitu tinggi maka beberapa langkah telah dilaksanakan oleh pihak - pihak tertentu iaitu pihak kerajaan dan pihak swasta selain daripada membina rumah kos sederhana dan tinggi . Rumah pangsa merupakan satu skim perumahan yang ideal terutama bagi pihak pemaju bagi memenuhi permintaan rumah yang tinggi . Memandangkan kawasan tanah untuk kediaman amat kurang , dengan mendirikan rumah pangsa ini pihak pemaju akan mengaut keuntungan yang lebih tinggi di mana meminakan penggunaan ruang tanah serta mereka juga dapat meminimakan keluasan atau saiz rumah serta rekabentuk rumah tersebut.

Rumah merupakan tempat perlindungan maka dengan mendiami rumah pangsa ini adakah ia bersesuaian dengan konsep perlindungan oleh orang Melayu yang mementingkan keseselesaian mendiaminya. Di sini adakalanya rekabentuk rumah pangsa ini tidak sesuai

didiami oleh orang Melayu yang mempunyai budaya hidup yang unik . yang memepunyai batas –batas dalam kehidupan seharian, di mana masyarakat Melayu masih lagi memegang adat serta amalan hidup bermasyarakat dan hidup dalam kelompok keluarga. Oleh sebab itu dengan mendiami Rumah pangsas ini adakah budaya orang Melayu terpelihara atau dikekalkan.

Pelbagai masalah telah kita lihat kesan daripada mendiami rumah pangsas ini, di antaranya ialah ketidaksuaian menduduki rumah pangsas bagi bilangan keluarga yang ramai iaitu kesan daripada ini mengakibatkan ia mengganggu cara hidup sesebuah keluarga yang mendiami rumah tersebut , ketidakselesaan penghuni samaada dari segi saiz ruang dan penggunaan untuk aktiviti harian, peningkatan masalah sosial seperti peningkatan kadar jenayah dan peningkatan masalah akhlak dikalangan remaja.

Perancangan rekabentuk, hubungan, dan saiz serta fungsi ruang rumah merupakan elemen penting bagi orang Melayu kerana ia mencerminkan keselesaan bagi penghuninya. Di sinilah pemuliharaan budaya orang Melayu terutama dari segi perhubungan ruang dan rumah serta rekabentuk rumah tradisional harus di ambil kira sebelum merekabentuk rumah pangsas agar ia bersesuaian dengan ciri kehidupan penghuni Melayu.

Namun ciri – ciri rekabentuk ini juga dapat mempengaruhi emosi dan tingkahlaku seseorang yang mendiami sesebuah rumah samada ia bersifat positif atau negatif , di mana ia bergantung kepada keadaan suasana dan tekanan yang diterima di dalam rumah.

Secara tidak langsung ia akan mempengaruhi tingkah laku iaitu psikologi individu di luar rumah. Suasana persekitaran perumahan juga boleh mempengaruhi sikap seseorang selain daripada corak pergaulan seseorang. Ini bolehlah kita katakan bahawa konsep kejiranan dan hidup bermasyarakat adalah penting bagi orang Melayu.

Namun begitu pemuliharaan Budaya orang Melayu dapat di wujudkan dengan mengkaji konsep perumahan masyarakat Melayu kampung iaitu cara kehidupan mereka dan ciri ciri ini kemudiannya di terapkan dalam merekabentuk sesebuah perumahan moden terutamanya jenis rumah pangsa iaitu dengan mewujudkan elemen – elemen yang boleh mewujudkan hubungan ini .

1.2 Skop Kajian

1. Membuat pemahaman ilmiah mengenai budaya orang Melayu terutama darisegi kehidupan orang Melayu, kehidupan seharian mereka, hubungan ruang dari segi persepsi orang Melayu, kekeluargaan dan kehidupan bermasyarakat.
2. Ciri – ciri Rekabentuk rumah pangsa yang dapat mewujudkan keselesaan dan kesesuaian untuk dihuni terutama dari segi saiz , aturan ruang dan persekitaran.
3. Persepsi masyarakat Melayu terhadap rekabentuk rumah panga masa kini adakah ia memenuhi citarasa dan kepuasan kepada orang Melayu yang menghuninya iaitu dengan menganalisis kajian yang dibuat iaitu melalui pengamatan visual dan soal selidik penghuni di kawasan kajian.

4. Kesan daripada mendiami rumah pangsa terutama dari segi perubahan sikap dan corak kehidupan orang Melayu desa kepada corak kehidupan Melayu bandar Melayu bandar serta setakat manakah budaya Melayu diamalkan di dalam kehidupan baru tersebut terutama dari segi hidup bermasyarakat.

1.3 Matlamat Dan Objektif Kajian

1.3.1 Matlamat kajian

Mengkaji sejauh manakah pemuliharaan budaya orang melayu yang menghuni rumah pangsa dan kesan sosio budaya daripada menduduki rumah pangsa.

1.3.2 Objektif Kajian.

Bagi mencapai matlamat ini, objektif kajian ialah :

1. Mengkaji corak kehidupan masyarakat dan kekeluargaan Melayu yang mendiami rumah pangsa melalui pengamalan budaya orang Melayu dan perbandingannya dengan sistem kehidupan masyarakat Melayu desa kesan daripada rekabentuk rumah.
2. Meninjau rekabentuk rumah pangsa dan kesesuaiannya kepada penghuni berbangsa Melayu
3. Mengkaji komponen-komponen perumahan yang boleh memberi konsep hidup bermasyarakat dan keluarga mengikut budaya

Melayu iaitu kemudahan prasarana yang boleh memberi kewujudan suasana masyarakat Melayu.

1.4 Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini akan dibahagikan kepada beberapa peringkat bagi memastikan matlamat dan objektif kajian ini akan tercapai. Kajian ini terbahagi kepada lima peringkat iaitu:

1.4.1 Peringkat Pertama :

Peringkat pertama merupakan peringkat pendahuluan . Di peringkat ini terdapat beberapa kajian awal telah dibuat iaitu tujuan kajian, objektif dan matlamat kajian, skop kajian dan metodologi kajian. Ia bagi mendapatkan konsep dan tujuan tentang kajian yang akan dilakukan serta sebagai asas dan mempermudah lagi kajian sebelum kajian yang lebih lanjut dijalankan . Ia akan memperjelas dan mengukuhkan lagi kajian terutama dari segi kepentingan kajian iaitu dari aspek keselesaan orang Melayu mendiami Rumah Pangsa dan kesan mendiaminya , kemudahan penghuni dan persekitaran pemeliharaan budaya orang melayu serta perbandingan rekabentuk moden dan rumah tradisional di samping mengenalpasti isu dan masalah kajian.(Sila rujuk rajah 1.1)

1.4.2 Peringkat kedua

Peringkat kedua merupakan kajian ilmiah dan pengumpulan maklumat iaitu penyelidikan melalui kaedah skunder dan primer. Maklumat skunder adalah maklumat yang diperolehi daripada maklumat bercetak seperti laporan – laporan atau isu – isu yang berkaitan dengan bidang kajian. Melalui bahan – bahan rujukan ini akan memberi idea kepada kajian yang akan dilakukan terutama dari segi tafsiran rumah kepada orang Melayu dan tentang sosio- budaya orang Melayu dan isu tentang penghijrahan Melayu ke bandar kesannya terhadap pemuliharaan Budaya orang Melayu. Maklumat primer pula diperolehi daripada kajian lapangan yang telah dilaksanakan di kawasan kajian kes. Kajian lapangan ini dilakukan melalui tiga kaedah iaitu melalui kaedah pengamatan visual dengan mengambil gambar kaedah kedua ialah melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada penghuni kajian kes dan melalui temubual bersama penghuni rumah yang dikaji.

1.4.3 Peringkat Ketiga

Peringkat keempat merupakan peringkat analisis dan penemuan. Semua maklumat yang diperolehi dari peringkat kedua akan di analisis untuk mendapatkan keputusan daripada hasil kajian yang dilakukan. Penganalisan dijalankan bagi membuktikan kebenaran hipotesis kajian. Penganalisan dijalankan melalui beberapa kaedah iaitu menganalisa borang soal selidik dan kesimpulan daripada pengamatan visual yang telah dilaksanakan bagi memperkukuhkan lagi kajian yang dilaksanakan. Penganalisan borang soal selidik ini terbahagi kepada dua

iaitu kaedah sampling dan penganalisaan data – menggunakan analisis berbantu komputer serta rumusan keatas analisis yang telah dilakukan .

i. Kaedah sampling

Persampelan ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang tepat di kalangan responden. Persampelan ini dilakukan melalui pengedaran borang soalselidik mengikut kaedah persampelan kelompok rawak mudah. Di mana tiap-tiap unit persampelan adalah suatu perhimpunan atau kelompok unsur. Persampelan kelompok rawak mudah adalah proses mencabut suatu sampel secara rawak daripada suatu kelompok yang ditentukan.

ii. Analisis Berbantuan Komputer

Selepas segala maklumat di perolehi daripada pengedaran borang soalselidik kepada responden, analisis regresi akan dilakukan. Penganalisaan ini akan dilakukan dengan peisian SPSS kerana ia mempunyai kaedah khusus untuk menganalisa maklumat. Di dalam analisis beberapa prosedur digunakan diantaranya ialah FREQUENCIES- bagi mendapat peratusan berdasarkan analisa borang soalselidik, dan CROSSTABLE bagi mendapatkan peratusan dan hubungkait subjek-subjek yang dikaji.


iii. **Rumusan analisis.**

Menyediakan rumusan kepada maklumat yang diperolehi daripada analisis regresi berbantuan komputer dan dari segi pengamatan yang dilakukan semasa kajian lawatan ke tapak. Dari rumusan ini akan diperolehi cadangan dan penyelesaian kepada isu dan masalah serta bagi mencapai objektif kajian.

1.4.4 Peringkat Keempat

Peringkat keempat ialah rumusan daripada keempat – empat peringkat kajian yang menghasilkan penemuan dan bukti kepada kajian. Semua strategi daripada kajian ini di harap dapat digunapakai oleh pihak kerajaan , pihak swasta dan badan – badan tertentu sebelum merekabentuk atau merancang sesebuah kawasan dan rumah pangsa itu sendiri. (rujuk rajah 1.1)

METODOLOGI KAJIAN





**"TINJAUAN KE ATAS REKABENTUK RUMAH PANGSA
DARI ASPEK
SOSIO -BUDAYA ORANG MELAYU"**

BAB 2 **BAB 2**

Kajian Ilmiah **Kajian Ilmiah**

RHS-509 : SITI NORSAZLINA BT HARON

KAJIAN ILMIAH MENGENAI SENARI PERUMAHAN & SOSIO – BUDAYA MELAYU

2.0 Pengenalan

Pembangunan perumahan masa kini tidak dapat mengelakkan menjadi persoalan yang menyangkut pelbagai masalah. Masalah tersebut termasuklah seperti harga rumah, kesulitan golongan rendah memiliki rumah, pencemaran alam, permasalahan kadar jenayah di kawasan perumahan dan eksploitasi dari pihak pemaju perumahan. Sehubungan dengan soal ini ialah adakalanya pembangunan rumah moden tidak sesuai dengan nilai-nilai keperluan masyarakat di Malaysia terutama masyarakat Melayu yang merupakan penduduk majoriti Malaysia.

Walaupun hidup berkelompok berbagai kaum ini akan menggalakkan perasaan muhibah dan memberikan kesempatan mendalami kebudayaan bangsa lain, ini sebenarnya tidak atau jarang terjadi. Sudah jelas kita lihat Karipung Bharu dan Gombak adalah kawasan Melayu. Jinjang dan Sungai Besi kawasan Cina atau Sentul kawasan India. Adakah dengan hidup berkelompok ini masing – masing kaum hidup dengan berpegang teguh kepada nilai dan kebudayaannya sendiri. Ini pun diragu-ragukan. Apakah orang Melayu di bandar benar – benar berpegang teguh kepada nilai dan tradisinya? Dari batas – batas yang di bawa dari kehidupan di rumah bandar, nilai dan tradisi telah diganti dengan corak

hidup yang materialistik, individualistik walaupun penghuninya terpaksa menduduki rumah yang sempit dan tiada kawasan tanah terutama dengan mendiami rumah pangsa.

Di dalam bab ini kajian akan membincangkan tentang perkara – perkara yang berkaitan dengan budaya Melayu di bandar dan desa serta komponen – komponen yang terdapat dalam budaya Melayu berkaitan dengan kediaman mereka.

Kajian yang dijalankan akan digunakan untuk menilai mengenai perbandingan budaya masyarakat Melayu, prinsip keluarga Melayu, Komuniti dan masyarakat Melayu, sikap kejiwaan dan kajian tentang ruang dan perhubungannya dengan perilaku penghuninya.

2.1 Takrif Rumah Dan Kediaman

*Rumah merupakan perkataan Melayu tertua, perkataan rumah adalah terjemahan daripada bahasa Jawa – griya atau giri. Kedua – dua perkataan ini bermakna gunung dan gunung merupakan bentuk alam semulajadi yang agung. Orang – orang Jawa menyebut rumah sebagai **bhodo**, yang mempunyai makna yang luas. (Abdul Halim Nasir Ogos 1981 :15)*

Rumah merupakan satu keperluan asas manusia yang sangat penting, selain daripada makanan, minuman dan pakaian. Rumah memiliki dua ciri penting. Jika ditinjau dari sudut fizikal, rumah merupakan tempat berlindung daripada hujan dan panas, sebagai pangkalan tempat bertolak, berlabuh dan pulang, sebagai tempat aktiviti individu. Dari sudut psikologi pula rumah membekalkan pelbagai keperluan naluri – memberi rasa

aman,tenteram,suasana harmoni,menjadi tempat mengasuh,mengasih dan mendapatkan ketenangan jiwa.Orang Melayu menganggap rumah adalah sebidang tempat yang menjadi miliknya di muka bumi ini,iaitu milik penghuninya.

Selain daripada itu, rumah muslim adalah dunianya, alam sekitar terdekat dengan roh dan jiwanya,selain daripada pakaian pada tubuhnya sendiri – yang juga merupakan sebahagian daripada seni yang dituntut oleh prinsip nilai agama, sebahagiannya lambang ketaqwaan – dengan itu rumahnya adalah alam sekitar yang membantunya dalam menjaga rohnya, selain daripada berfungsi sebagai tempat berteduh daripada kepanasan dan kesejukan dan untuk keselamatan diri dan keluarganya. Dengan itu tidak ada kejahatan dan kederhakaan dalam rumah.Keberadabannya adalah anomali bukan norma.(Muhammad Uthman El – Muhammady 2000:3)

Kediaman juga adalah tempat di mana aktiviti –aktiviti harian seperti tidur makan dan minum, beribadat , aktiviti kekeluargaan, pendidikan dan sebagainya.Ini dapat di lihat melalui pengertian.....

Dictionary- College Edition iaitu:

“Home- A Dwelling or Adobe; a house or apartment that is the fixed residence of a person, a family, or a house hold; an accustomed or familiar neighbourhood:.....” (New Webster’s, 1979 : 119)

Menurut Maslow, tempat berlindung ialah keperluan asas manusia yang dipenuhi sebelum keperluan lain yang lebih tinggi dalam hirarki dicapai. Apabila kita melihat

keperluan manusia dari perspektif spesies huiwan di planet, fungsi asas tempat berlindung boleh disenaraikan seperti berikut:

- 1. Membantu homeostasis dengan menghadkan pancaran suria ditunjukkan oleh suhu.*
- 2. Melindungi dari ketidakselesaan disebabkan oleh pertukaran cuaca.*
- 3. Melindungi daripada musuh.*
- 4. Privasi untuk kegiatan biologi.*
- 5. Komunikasi simbolik. (Fabun 1971:3)*

Fungsi yang akhir, iaitu komunikasi simbolik merupakan fungsi yang penting. Persekitaran ruang bukan sahaja melindungi penghuninya daripada bahaya dan untuk keselesaan penghuni tetapi ia juga berfungsi untuk mengetahui sikap, nilai dan kerinduan. Sesebuah rumah dan lokasinya menunjukkan simbolik mikro secara spontan. Keluarga juga boleh melihat status mereka dalam komuniti. Penilaian seseorang terhadap kualiti sebuah rumah itu menentukan gerak balas mereka terhadap keluarga tersebut. Apabila sesebuah rumah tersebut tidak diterima dari segi sosial, maka rumah tersebut mungkin memberi kesan yang tidak baik terhadap keluarga dan terhadap imej diri anggota keluarga.

Rumah juga dapat dilihat dalam dua aspek iaitu Rumah sebagai kata kerja dan rumah sebagai kata nama (John F.C Tunner 1972 :150). Di mana rumah sebagai kata kerja bermaksud aktiviti kepada sesebuah rumah dan rumah sebagai kata nama bermaksud rumah sebagai komoditi atau sebagai produk. Ini bermaksud sesebuah rumah itu akan

berfungsi sebagai sebuah produk jika rumah yang didiami itu tidak dapat memberi kepuasan dan keselesaan kepada penghuninya . Manakala jika rumah yang didiami dapat memberi keselesaan dan kepuasan kepada penghuninya maka rumah tersebut telah mencapai fungsi asal sebuah rumah iaitu rumah sebagai satu aktiviti keseluruhan.

Rumah juga merupakan satu simbol, "*Home is a Symbol of self*" iaitu kediaman merupakan satu simbol kepada seseorang itu. Secara tidak langsung segala aktiviti di dan pada rumah samaada dari segi mendiaminya, penjagaan cara hiasan adalah melambang keperberibadian seseorang itu. (Cooper 1974 : 6)

Selain daripada tempat berlindung dari gangguan dan sebagai keselamatan rumah juga dapat mewujudkan tahap keselesaan penghuninya berdasarkan kepada cara seseorang individu mengetikan tahap keselesaan samaada dari segi keluasan rumah , kecantikan,perhubungan dan sebagainya . Kediaman ini juga terbentuk berdasarkan kepada identiti seseorang penghuninya. Identiti ini juga dapat wujud melalui budaya seseorang penghuni atau dari budaya kehidupan seseorang itu akan mewujudkan identiti kediaman seseorang.

2.2 Takrifan Sosio

“ Sosiologi sebagai satu kajian saintifik mengenai masyarakat dan hubungan sosialnya.(Neil J. Smelser 1960 :3)

“Manakala, D’antonio dan De Fleur,mentakrifkan sosiologi sebagai satu percubaan untuk meneliti tingkah laku sosial manusia tingkahlaku sosial manusia secara sistematik, dengan tujuan untuk memahaminya, untuk meramal tingkahlaku tersebut dan mungkin untuk berbuat sesuatu mengenainya.”(De Fleur, D’Antonio 1974:238)

Daripada kedua-dua takrifan ini kita boleh rumuskan bahawa sosiologi bermaksud satu kajian tentang tingkahlaku pada individu samada dari segi perhubungan individu dengan individu lain dan ia juga merupakan satu hubungan dalam satu kelompok yang kecil melalui cara interaksi, tingkalahakuseseorang dalam kelompok tersebut , di mana sifat ini juga akan membentuk satu identiti dan personaliti kepada individu.

Sosiologi ini juga merupakan satu proses pengajaran. Ia juga merupakan satu proses jangka panjang untuk nilai seseorang. Ada juga yang berpendapat sosiologi merupakan satu proses yang dikenali sebagai proses pembudayaan iaitu melalui proses mempelajarinya serta memperolehi norma – norma sosial. Ini bermaksud sosio merupakan proses di mana manusia mempelajari kemahiran dan sikap yang berkaitan dengan peranan sosial mereka. Di mana ia merupakan satu proses mempelajari tingkahlaku yang sesuai dengan menghayati norma dan nilai masyarakat sampai kepada satu tahap di mana norma dan nilai masyarakat tersebut menjadi norma dan nilainya

sendiri. Dengan melalui proses inilah norma dan nilai satu kelompok itu dikekalkan, walaupun ahli – ahlinya berganti , secara tidak lansung sosiologi merupakan satu cara yang penting bagi kawalan sosial.


2.3 Takrifan Budaya Melayu

Menurut Kisho Kurosawa seorang arkitek terkenal Jepun, budaya dan tradisi bukannya terbatas kepada apa yang dapat dilihat secara lahir sahaja. Cara dan gaya hidup ,adat kebiasaan, sensibiliti tentang keindahan dan ide – ide bukannya perkara – perkara yang boleh dilihat secara lahir, ini merupakan aspek-aspek yang tidak boleh dilihat dalam budaya dan tradisi manusia.(K. Kurosawa 2000:14)

Menurut Edward B. Taylor lebih seratus tahun dahulu kebudayaan ialah satu keseluruhan yang kompleks yang merangkumi ilmu pengetahuan kepercayaan ,seni lukis, moral dan akhlak, undang-undang, adat resam dan lain –lain kemahiran yang diperolehi oleh manusia sebagai ahli masyarakat. Kebudayaan juga merupakan segala yang dipelajari dan diulangi dalam sesebuah masyarakat iaitu warisan sosial ahli-ahli masyarakat (E.B. Taylor 1981:131-145).

Melalui takrifan ini kita boleh menganggap bahawa Budaya merupakan satu pengamalan harian seseorang dalam segala bidang samaada dalam bidang pendidikan, politik keluarga, agama dan ekonomi , di mana pengamalannya menjadi serasi dari dahulu dan sesuai digunakan berlandaskan adat dan agama. Ini dapat dilihat melauai gambarajah di bawah:

Rajah 2.1 : Fungsi Dalam Masyarakat



Sumber : Noran Fauziah Yaakub, (1987) , Pengantar Sosiologi, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.


Budaya Melayu juga mementingkan aspek –aspek perhubungan, kekitaan, nilai budi, persahabatan yang tidak mengharapkan sesuatu balasan turut juga memupuk tindakan atau perlakuan sederhana. Ini dapat di lihat dari aspek gotong – royong, keduri –kendara, hubungan kejiwaan dan sebagainya. Ini menunjukkan perhubungan kejiwaan dan kekeluargaan adalah penting dalam budaya kehidupan masyarakat Melayu. Ia merupakan satu ikatan persahabatan yang mengatasi persaingan dalam banyak perkara. Ia juga merupakan satu semangat pada seseorang itu.

Budaya juga dianggap sebagai satu adat turun temurun atau pegangan sesuatu kelompok masyarakat secara turun temurun iaitu adat sebagai sesuatu yang biasa diwarisi, sistem adat sebagai pengalaman budaya Melayu ialah konsep asasi sistem yang memaparkan suatu proses penyesuaian dan gagasan adat sebagai seluruh sistem kebudayaan dan falsafah kehidupan.

Pengamalan sesuatu perkara yang menjadi serasi dalam kehidupan harian bagi masyarakat Melayu iaitu menggunakan konsep “biasa” atau “kebiasaan”,atur dan peraturan sebagai landasan kepada kehidupan mereka. Kebiasaan perlakuan inilah yang

telah menjadikan perilaku itu satu adat. Pada awalnya kehidupan, pemikiran dan aktiviti harian masyarakat orang Melayu banyak dipengaruhi oleh pengaruh Hindu atau buddha yang membawa pengkayaan konsep dalam kehidupan agama, politik serta hukum. Corak hidup yang telah sebat ini telah berubah berikutan kedatangan Islam ke Tanah Melayu, di mana ia dengan kuat memberi kerangka baru untuk orang Melayu bertikir. Di sini perubahan pengamalan adat orang Melayu mula berubah di mana pengamalannya lebih berlandaskan ajaran agama Islam .

Rajah2.2 : Kitaran Budaya



Sumber : Zainal Kling November Dewan Budaya

Budaya juga merupakan satu proses perlakuan manusia, pengucapan serta pelbagai perkara iaitu melalui perilaku seseorang yang mempengaruhi kehidupannya ia merangkumi personaliti individu, sistem kemasyarakatan dan perlembagaan.

Adat atau budaya itu boleh berubah mengikut peredaran masa serta pengaruh kehidupan persekitaran seseorang. Ini dapat dilihat dengan kedatangan kapitalisme menerusi pengaruh Barat, nilai kesederhanaan mulai pupus sedikit demi sedikit . Masyarakat mulai dicemari oleh aspek materialisme seperti wang ringgit. Kemasukan media elektronik, mobiliti geografi_ dan yang sebagainya menyebabkan hubungan antara individu

bertambah renggang dan berlaku proses perpecahan antara ahli keluarga asas. Semua ini telah mengubah budaya Melayu sedikit demi sedikit. Yang lebih penting poses ini menukar orang Melayu daripada seorang yang kurang mementingkan diri menjadi manusia yang kurang sifat kesederhanaannya.

2.4 Keluarga Melayu

2.4.1 Bentuk Keluarga Melayu

Keluarga boleh ditafsirkan , keluarga merupakan satu institusi masyarakat yang biasa bagi hampir kesemua orang. Ia merupakan persekitaran kita yang terawal, memberi perlindungan pada ahli – ahlinya daripada kekejaman dunia luar dan sumber – sumber utama dari segi pengetahuan dan menyebarkan zuriat dalam tamadun manusia.

Manakala menurut Smelser, keluarga adalah satu kelompok sosial yang tinggal di bawah satu bumbung, mempunyai kerjasama dalam kegiatan ekonomi dan menambatkan zuriat, mempunyai pertalian darah, perkahwinan atau diambil angkat dan ahli ahli tersebut tinggal bersama –sama dalam rumah yang sama.
(Goode .W.J 1963 :281)

Bentuk keluarga Melayu , pada umumnya , boleh dilihat dari beberapa sudut iaitu, sudut keturunan, sudut keanggotaan dan kediaman, sudut kuasa dan dari sudut perkahwinan. Di mana ia merangkumi satu institusi.

Konsep “Keluarga” juga sering ditakrifkan oleh orang Melayu sebagai merangkumi semua kategori sanak saudara atau saudara mara serta satu lingkungan kehidupan masyarakat yang dianggap keluarga iaitu hubungan jiran tetangga iaitu melalui pengamalan budaya yang sama. Ini dapat di lihat melalui takrifan yang diberikan oleh Burges, iaitu ;

“ Keluarga ialah , sekelompok manusia yang mempunyai hubungan perkahwinan, hubungan darah atau hubungan angkat: tinggal serumah; berinteraksi serta berhubung antara satu sama lain berdasarkan peranan sosial masing – masing sebagai suami dan isteri, ibu dan bapa, anak lelaki dan anak perempuan, abang, kakak dan adik; dan mewujudkan serta mengekalkan budaya yang sama” (Burges 1971:7)

Daripada takrifan di atas, dapat diperturunkan sekurang –kurangnya empat perkara atau ciri penting tentang keluarga, iaitu:

- i. keluarga terdiri daripada beberapa orang yang disatukan dengan ikatan perkahwinan, ikatan darah atau melalui kediaman.
- ii. Seluruh anggota keluarga selalunya tinggal bersama dalam sesebuah rumah
- iii. Setiap anggota keluarga berinteraksi dan berhubung antara satu sama lain dalam lingkungan peranan khusus .
- iv. Keluarga membentuk dan mengekalkan satu budaya yang sama.